

Isnin, Feb 26 2018

BR1M bukan motif politik

SH 26/2

Bantuan untuk golongan memerlukan

ROSILAWATI ROSEDI

PEKAN

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bukan bermotifkan politik atau kepartian sebaliknya membantu golongan yang benar-benar memerlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan ilham memperkenalkan BR1M pada 2012 bukan melalui dirinya atau mana-mana parti politiknya sebaliknya oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selepas kaedah pemberian subsidi berpukul diamalkan sejak sekian lama ditegur Bank Dunia.

Menurutnya, cadangan supaya kaedah subsidi bersasar dilaksanakan bagi menggantikan subsidi pukal yang berlaku ketirisan.

"Antaranya barangan bersubsidi seperti petrol RON95 turut dinikmati warga asing, pelancong dan hanya menguntungkan golongan berpendapatan tinggi memiliki kenderaan berkuasa besar.

"Ini tidak adil kepada orang berpendapatan rendah, Bank Dunia menegur dan minta supaya dasar berkenaan diubah... ia diberitahu kepada saya dalam taklimat oleh Bank Negara pada 2011 dan saya



Najib dikeluk penerima BR1M Harun Abu, 56, sebagai tanda terima kasihnya kepada beliau pada Pelancaran Penyampaian BR1M 2018 Peringkat Kebangsaan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah, semalam.

boleh sahkan bahawa ini (BR1M) tiada kaitan kepartian.

"Kalau nak beli undi kita hanya bagi kepada puak-puak kita sahaja tetapi semua dapat termasuk di negeri ditadbir pembangkang, negeri ditadbir pembangkang adalah penerima tertinggi BR1M dan kita pilih penerimanya bergantung kepada pendapatan," katanya dalam ucapan perasmian BR1M peringkat kebangsaan di Dewan Konvensyen

info
• Seramai 2,000 penerima BR1M menjadi kumpulan fasa pertama bantuan tersebut

Sultan Haji Ahmad Shah, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan

Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Seramai 2,000 penerima BR1M menjadi kumpulan fasa pertama bantuan tersebut.

Sementara itu dalam masa sama Najib turut menegaskan BR1M turut merangsang ekonomi negara melalui peningkatan ekonomi domestik menerusi perbelanjaan dilakukan penerima seperti pembelian barangan

keperluan asas.

"Negara lain pun hendak buat, ada negara terus masuk akaun tapi tak guna nama BR1M... dan ada negara di Timur Tengah naikkan harga minyak 126 peratus dan bayar juga kepada rakyat untuk mengimbangkan kenaikan.

"Sebab itu bila orang kata kita bagi dedak dan (gelangnya) cash is king, itu semua mengarut... sebab apa? Zaman dia tidak buat tetapi zaman saya beri kepada rakyat.

"Kalau tidak suka BR1M, tolong beri cadangan lebih baik untuk hendak tolong B40 bukan hanya hendak mengkritik semata-mata," katanya lagi.

Dalam pada itu beliau yang juga Menteri Kewangan berkata kerajaan juga menepati janji menerusi kadar bantuan BR1M yang dinaikkan sehingga RM1,200 seperti dalam manifesto oleh BN pada PRU13 yang lalu.

"Kita janji hendak naikkan daripada RM500 kepada RM1,200 dan berjaya menunaikannya... Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Zaki Ansore yang memantau janji kita mendapati 97.6 peratus daripadanya berjaya ditunaikan.

"Saya ini bukan jenis janji perkara tidak boleh tunaikan, saya tidak akan buat kenyataan yang pihak kita akan kaji semula kaji macam orang itu yang kata hendak kaji semula 60 peratus daripada janji dalam manifesto," katanya.